

# Peguam Najib diingat tak ulangi hujah sama

Peguam berhujah pendakwaan terhadap tertuduh bersikap selektif

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Putrajaya:** Peguam mewakili Datuk Seri Najib Razak, semalam diberi peringatan supaya tidak mengulangi hujahan sama pada prosiding pendengaran rayuan bekas Perdana Menteri itu terhadap tuduhan menyalahgunakan RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd di Mahkamah Rayuan, di sini.

Terdahulu, sebaik prosiding rayuan itu bermula pada jam 9 pagi, Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil mengingatkan peguam, Harvinderjit Singh, yang mewakili Najib bahawa pihak pembelaan dijadual menyelesaikan hujahan.

Abdul Karim yang mengetuai pendengaran rayuan Najib itu bersama Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, kemudian bertanya sama ada Harvinderjit akan menghabiskan nota percakapan ketiga atau beralih kepada nota seterusnya dan dijawab peguam berkenaan 'masih terdapat sedikit lagi yang ingin dihujahkan.'

Harvinderjit kemudian berhujah bahawa pihak pendakwaan bersikap selektif dalam mendakwa Najib atas tuduhan pecah amanah membabitkan RM42 juta dana SRC.

Katanya, ia kerana Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ada meminta bantuan Interpol untuk mengeluarkan notis merah ke atas Pengarah SRC, Suboh Md Yassin; Ke-



Najib di Mahkamah Rayuan di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

tua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil dan seorang lagi individu dikenali sebagai Redzuan Adam Shah.

Ketiga-ketiga mereka dikatakan melarikan diri ke luar negara selepas Pakatan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), pada 9 Mei 2018.

"Lebih kurang pada Jun atau Julai, notis merah dikeluarkan terhadap ketiga-tiga individu berkenaan atas kesalahan pecah amanah berjumlah RM50 juta," katanya menambah, pihak pendakwaan bagaimanapun kemudian mengambil keputusan mendakwa Najib.

Abdul Karim menegaskan, hujahan Harvinderjit setakat ini hanya memfokuskan isu dan fakta sama, sedangkan tiga hakim termasuk dirinya masih menunggu hujahan membabitkan pertuduhan, isu perundangan dan bagaimana hakim perbicaraan dikatakan terkhilaf.

Sehubungan itu, beliau meminta peguam berkenaan untuk meringkaskan penghujahannya kerana banyak hujahan telah dikemukakan sebelum ini yang dibentangkan oleh seorang lagi peguam mewakili Najib, Tan Sri

Muhammad Shafee Abdullah.

"Anda mengulanginya lagi dan lagi. Adalah lebih baik anda gunakan ia untuk kaitkan dengan kes pecah amanah (CBT) terhadap Najib. Daripada anda bangkitkan di hadapan kami yang telah dihujahkan oleh Tan Sri Shafee. Sila beri penerangan yang jelas kepada kami.

"Sebenarnya anda mengulanginya. Saya tahu anda mahu menekankan perkara itu kepada kami, tetapi ini adalah Mahkamah Rayuan. Lebih baik fokus kepada perkara lain," kata Abdul Karim.

Pada prosiding sebelah petang, Harvinderjit berhujah, terdapat kemungkinan sebahagian besar pinjaman berjumlah RM4 bilion kepada SRC dicuri, namun tiada laporan polis dibuat.

Katanya, keseluruhan pengeluaran RM4 bilion itu dilakukan di luar struktur korporat SRC, yang juga anak syarikat IM Malaysia Development Berhad (IMDB) dan diletakkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

"Ia tidak mungkin dilakukan oleh sesiapa yang diamanahkan dengan harta itu kerana lembaga

pengarah tidak mengetahui mengenai perkara berkenaan. Tanpa kebenaran lembaga pengarah untuk mengeluarkan RM4 bilion itu, tindakan berkenaan adalah mencuri," katanya.

**Abdul Karim: Anda kata ia dicuri, namun tiada laporan polis dibuat?**

Harvinderjit: Ya.

Oleh itu, kata peguam berkenaan, persoalan yang harus ditanya adalah kenapa tiada laporan polis dan beliau menegaskan hanya seorang individu yang boleh menjawab soalan berkenaan, iaitu PW42, iaitu Suboh.

Pada 28 Julai 2020, Najib dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd (SRC). Bagaimanapun, beliau dibebaskan dengan ikat jamin RM2 juta berserta dua penjamin sementara menunggu rayuan kes itu selesai.

Perbicaraan bersambung Isnin depan.